



# **BUKU GARIS PANDUAN EKSA**

**EKOSISTEM KONDUSIF SEKTOR AWAM  
MAKTAB  
KOPERASI  
MALAYSIA (MKM)**



---

**“KONDUSIF, PRODUKTIF, INOVATIF & BUDAYA MKM”**

# Kandungan

<b>3</b>	Dasar EKSA
<b>4</b>	Objektif EKSA
<b>5</b>	Slogan & Logo EKSA
<b>6 - 8</b>	Carta Organisasi EKSA <ul style="list-style-type: none"><li>• Carta Organisasi Jawatankuasa Induk EKSA</li><li>• Carta Organisasi Jawatankuasa Pelaksana EKSA</li><li>• Carta Organisasi Zon EKSA</li></ul>
<b>9</b>	Bab 1 : Tujuan EKSA
<b>10</b>	Bab 2 : Pengenalan EKSA
<b>11-13</b>	Bab 3 : Faedah Pelaksanaan EKSA
<b>14-15</b>	Bab 4 : Pelaksanaan EKSA
<b>16</b>	Bab 5 : Audit Dalam EKSA
<b>17-40</b>	Bab 6 : Standard Penyeragaman EKSA MKM
<b>41- 45</b>	Contoh Amalan Eksa
<b>46</b>	Penutup
<b>47 - 49</b>	Lampiran

# **Dasar EKSA MKM**

**MAKTAB KOPERASI MALAYSIA**

Beriltizam membudayakan perlaksanaan ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA) dengan memperkuuhkan budaya organisasi berprestasi tinggi dan inovatif serta mewujudkan persekitaran kerja yang kondusif dan berimejkan korporat.

# **Objektif EKSA MKM**

MAKTAB KOPERASI MALAYSIA

- Mewujudkan persekitaran MKM yang kondusif dengan memastikan persekitaran tempat kerja yang bersih, kemas dan selamat.
- Meningkatkan imej korporat MKM.
- Meningkatkan produktiviti dan kecekapan sistem penyampaian perkhidmatan kepada pelanggan dengan menyemarakkan aktiviti kreativiti dan inovasi.
- Membudayakan amalan hijau (Go Green).
- Meningkatkan semangat kerja berpasukan.

# Slogan dan Logo EKSA MKM

MAKTAB KOPERASI MALAYSIA




## KONDUSIF, PRODUKTIF, INOVATIF & BUDAYA MKM

- LOGO MKM menunjukkan MKM menggalakkan aktiviti ke arah mewujudkan persekitaran hijau melalui pembudayaan hijau.
- EKSA (Akronim EKSA), Mewakili Ekosistem Kondusif Sektor Awam.
- LOGO BULATAN, menggambarkan perpaduan yang kukuh dan komited dalam kalangan warga MKM dengan menitikberatkan semangat kerjasama dan berpasukan tanpa mengira perbezaan pangkat atau status dalam memastikan Amalan EKSA sebagai budaya kerja.
- DAUN, ALAM SEKITAR & WARNA HIJAU, menunjukkan MKM menggalakkan aktiviti ke arah mewujudkan persekitaran hijau melalui pembudayaan Amalan Hijau.
- PUTIH lambang kesempurnaan, kebersihan dan keselesaan yang diamalkan oleh warga MKM, Selain kewibawaan dan ketelusan dalam memberi perkhidmatan yang baik.
- BIRU melambangkan warna berprestij yang sentiasa bertenaga, yakin, segar, bersemangat dan kepercayaan warga MKM dalam memastikan kejayaan Amalan EKSA.


# Jawatankuasa Induk EKSA

MAKTAB KOPERASI MALAYSIA




# Jawatankuasa Perlaksana EKSA

MAKTAB KOPERASI MALAYSIA



# Jawatankuasa Zon EKSA

MAKTAB KOPERASI MALAYSIA



# Tujuan EKSA

MAKTAB KOPERASI MALAYSIA

## **BAB 1** **TUJUAN**

Buku panduan ini dihasilkan untuk membantu seluruh warga Maktab Koperasi Malaysia (MKM) dalam menyokong usaha pelaksanaan EKSA untuk mewujudkan persekitaran kerja kondusif yang berimej korporat, kreatif dan berinovasi dengan penerapan amalan hijau dapat dilaksanakan sebagaimana hasrat Ketua Pengarah MKM. Panduan ini memperjelaskan konsep EKSA, elemen-elemen baharu yang diperkenalkan, tindakan yang perlu diambil pada setiap peringkat pelaksanaan, kaedah pengauditan yang diguna pakai, kelayakan serta syarat-syarat yang perlu dipatuhi untuk mendapatkan pensijilan.

# Pengenalan EKSA

MAKTAB KOPERASI MALAYSIA

## BAB 2 PENGENALAN EKSA

Pelbagai usaha telah dilakukan bagi mempertingkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan kerajaan termasuklah Manual Prosedur Kerja, Fail Meja, Sistem Pengurusan Kualiti MS ISO 9001, Piagam Pelanggan, Kumpulan Inovatif dan Kreatif dan sebagainya. Seiring dengan usaha-usaha ke arah transformasi perkhidmatan awam, pemantapan pengurusan persekitaran tempat kerja kearah meningkatkan imej dan profesionalisme organisasi perlu dilaksanakan.

EKSA yang telah diperkenalkan mulai Januari 2014 adalah penjenamaan semula Amalan 5S Sektor Awam merupakan salah satu inisiatif ke arah peningkatan kualiti penyampaian perkhidmatan kerajaan. Langkah penjenamaan semula ini sesuai dan seiring dengan perubahan dan kehendak semasa yang sentiasa menekankan peningkatan prestasi dan daya saing organisasi di samping menyemarakkan lagi budaya kreatif dan inovatif dalam kalangan jabatan/agensi sektor awam.

Komponen utama dalam pelaksanaan EKSA adalah berteraskan Amalan 5S (Sisih, Susun, Sapu, Seragam dan Sentiasa Amal) dan ditambah baik dengan penambahan beberapa elemen-elemen baharu iaitu:

- Imej Korporat;
- Kreativiti dan Inovasi;
- Amalan Hijau;
- Persekutuan Kondusif; dan
- Kepelbagaian Agensi

# Faedah Pelaksanaan EKSA

MAKTAB KOPERASI MALAYSIA

## BAB 3 FAEDAH PELAKSANAAN EKSA

Antara faedah pelaksanaan EKSA adalah seperti berikut:

**a) Peningkatan Produktiviti**

Pelaksanaan EKSA membantu meningkatkan produktiviti di mana dokumen/bahan dapat dikesan dengan mudah dan cepat. Apabila masa untuk mengesan dokumen/bahan dapat dikurangkan, bilangan dokumen/bahan yang diproses dapat dipertingkatkan. Hasilnya lebih banyak tugas dan urusan dapat dilakukan dalam masa yang sama.

**b) Peningkatan Tahap Pengurusan Penyelenggaraan**

Dalam pelaksanaan EKSA, semua peralatan/mesin perlu diselenggara dengan baik, diletakkan di tempat yang ditetapkan dan sentiasa memastikan ia bersih daripada habuk dan kekotoran. Justeru itu, kos penyelenggaraan dan kerosakan dapat dikurangkan. Peralatan/mesin yang diselenggara dan disusun dengan baik mampu meningkatkan tahap keselamatan pekerja.

**c) Peningkatan Kualiti Perkhidmatan Kepada Pelanggan**

Pelaksanaan EKSA memastikan urusan di tempat kerja dapat dilaksanakan dengan lebih terurus, mudah, pantas dan selamat. Pelanggan akan merasa puas hati apabila diberi layanan yang mesra dan cepat bagi menyelesaikan urusan dengan lancar. Perkhidmatan yang disampaikan kepada pelanggan luar khasnya melalui kaunter juga akan dapat disampaikan dengan lebih cekap dan berkesan.

# Faedah Pelaksanaan EKSA

MAKTAB KOPERASI MALAYSIA

## d) Suasana Tempat Kerja

Pelaksanaan EKSA akan dapat mewujudkan suasana persekitaran tempat kerja yang bersih, kemas, ceria dan selamat. EKSA mengharuskan organisasi menyusun dokumen dan peralatan dengan kemas dan tersusun. Selain itu, ruang tempat kerja dapat digunakan secara optimum dan memperlihatkan imej korporat. Ini dapat meningkatkan imej organisasi di mata pelanggan.

## e) Penjimatan Kos

Pelaksanaan EKSA menitikberatkan kaedah penyusunan barang mengikut kriteria tertentu. Bagi barang yang mempunyai tarikh luput, ia disusun mengikut kaedah %Masuk Dahulu, Keluar Dahulu+ (*First In, First Out-FIFO*). Kaedah ini akan memudahkan pekerja mengenalpasti dan menggunakan barang yang mempunyai tarikh luput yang lebih awal bagi mengelakkan pembaziran akibat pelupusan barang yang tamat tempoh.

## f) Peningkatan Kreativiti dan Inovasi

Aktiviti menyusun barang/bahan yang digunakan di pejabat akan menggalakkan kreativiti dan inovasi dalam kalangan pekerja. Cara penyusunan yang kemas, teratur dan mudah diambil dengan cepat apabila diperlukan akan menggalakkan pekerja berfikir secara kreatif bagi menghasilkan idea menyusun dan menyimpan secara inovatif.

## g) Peningkatan Tahap Keselamatan

Perlaksanaan EKSA akan meningkatkan tahap keselamatan persekitaran pejabat dan keselamatan dokumen/bahan. Penyusunan dokumen/ bahan ditempatnya dengan teratur dan berlabel dapat mengelakkan berlakunya kemalangan di tempat kerja

# Faedah Pelaksanaan EKSA

MAKTAB KOPERASI MALAYSIA

## **h) Peningkatan Semangat Kerja Sepasukan**

Pelaksanaan EKSA akan mewujudkan semangat kerjasama berpasukan dalam kalangan pekerja. Pelaksanaan ini hanya akan berjaya dengan penglibatan semua warga organisasi dalam melaksanakan setiap aktiviti secara berterusan. Ia akan mewujudkan satu budaya kerja berpasukan yang mantap dalam organisasi.

# Pelaksanaan EKSA

MAKTAB KOPERASI MALAYSIA

## BAB 4 PELAKSANAAN EKSA

Pelaksanaan EKSA di MKM melibatkan perancangan yang rapi, pemantauan, penambahbaikan dan sentiasa amal yang berterusan. Kejayaan amalan ini adalah bergantung kepada penglibatan Pihak Pengurusan Atasan sebagai pendorong serta kerjasama dan komitmen semua warga organisasi.

Pelaksanaan EKSA perlu melalui peringkat-peringkat seperti berikut:

### 1. Peringkat Pertama

Peringkat ini memerlukan MKM melakukan aktiviti-aktiviti seperti berikut:

- a) Menubuh Jawatankuasa Pelaksanaan EKSA.
- b) Menyediakan carta perbatuan EKSA.
- c) Menyenarai peranan dan fungsi jawatankuasa. (**rujuk Lampiran A**)
- d) Mendapatkan sepenuhnya komitmen daripada Pihak Pengurusan Atasan terhadap pelaksanaan EKSA.

### 2. Peringkat Kedua

Peringkat ini memerlukan MKM melakukan aktiviti-aktiviti seperti berikut:

- a) Mempromosikan EKSA melalui poster, *bunting* dan sebagainya.
- b) Menghebahkan carta pelaksanaan EKSA, pelan kawasan dan senarai tugas serta tanggungjawab.
- c) Menerangkan objektif EKSA kepada pegawai dan kakitangan.
- d) Mewujudkan kumpulan EKSA mengikut zon masing-masing.

# Pelaksanaan EKSA

MAKTAB KOPERASI MALAYSIA

### 3. Peringkat Ketiga

Peringkat ini memerlukan MKM melakukan aktiviti-aktiviti seperti berikut:

- a) Menyediakan latihan.
- b) Melaksanakan gotong-royong.
- c) Mengenal pasti barang/dokumen yang tidak sesuai untuk digunakan lagi.
- d) Menyediakan jadual pembuangan dan pembersihan.
- e) Memastikan barang/dokumen yang telah disisih, sapu kemudiannya disusun dengan kemas dan teratur.
- f) Melabelkan barang/dokumen mengikut nombor atau warna yang bersesuaian.
- g) Menetapkan susunan barang/dokumen yang bersesuaian mengikut kaedah yang menampakkan kekemasan dan keseragaman.
- h) Menubuhkan pasukan audit dalam.
- i) Menyediakan pelan tindakan audit dalaman.
- j) Merancang dan melaksanakan aktiviti penambahbaikan.

### 4. Peringkat Keempat

Peringkat ini memerlukan MKM melakukan aktiviti-aktiviti seperti berikut:

- a) Membuat pelancaran dan perasmian EKSA sebagai tanda mula dan menyampaikan sokongan dan komitmen Pengurusan.
- b) Memberi pengiktirafan EKSA secara berkala kepada zon terbaik, tempat kerja terbaik dan sebagainya.
- c) Mendapatkan pensijilan daripada MAMPU.

# Audit Dalam EKSA

MAKTAB KOPERASI MALAYSIA

## BAB 5 AUDIT DALAM EKSA

Audit dalam EKSA perlu dilaksanakan secara kendiri oleh semua Bahagian/Unit di bawah MKM. Audit dalam ini perlu dijadualkan secara berkala bagi memastikan setiap Bahagian/Unit membuat penambahbaikan secara berterusan dalam memastikan EKSA sentiasa diamalkan dengan jayanya.

Audit dalam hendaklah dilaksanakan oleh juruaudit yang dilantik oleh Jabatan/Agensi. Langkah yang terlibat adalah seperti berikut:

- **Langkah 1: Membentuk pasukan audit**
  - o Jawatankuasa Pelaksana EKSA perlu mengenal pasti, melatih dan melantik juruaudit untuk melaksanakan aktiviti Audit Dalam EKSA.
  - o Jawatankuasa Pelaksana juga perlu menyediakan kriteria Audit Dalam EKSA dan menentukan kekerapan aktiviti Audit Dalam EKSA.
- **Langkah 2: Latihan Audit EKSA**
  - o Pasukan Audit Dalam hendaklah diberi latihan untuk memastikan pengauditan EKSA dapat dijalankan dengan cekap dan berkesan.
- **Langkah 3: Mengaudit Prestasi EKSA**
  - o Pasukan Audit Dalam EKSA akan menjalankan audit seperti yang dijadualkan oleh Jawatankuasa Pelaksana.
- **Langkah 4: Mengumumkan Penemuan Audit**
  - o Pengerusi Jawatankuasa Audit Dalam EKSA hendaklah melaporkan penemuan audit kepada Pengerusi Jawatankuasa Pelaksana EKSA.
  - o Penemuan hendaklah dimaklumkan kepada ketua dan semua warga Jabatan/Agensi.

# Standard Penyeragaman EKSA MKM

MAKTAB KOPERASI MALAYSIA

## BAB 6

### STANDARD PENYERAGAMAN EKSA MKM

#### 1.0 Keperluan Sudut EKSA


- a) Sudut EKSA setiap zon perlu mengandungi perkara-perkara berikut:
  - i. Nama Zon
  - ii Dasar dan Objektif EKSA
  - iii Carta Perbatuan (catatan: peringkat zon sahaja)
  - iv Pelan Lantai (catatan: peringkat zon sahaja)
  - v Carta Organisasi Induk (catatan: peringkat JK Pelaksana sahaja)
  - vi Carta Organisasi Zon(catatan: peringkat zon sahaja)
  - vii Rekod aktiviti (catatan: Pamerkan gambar sebelum & selepas pelaksanaan sesuatu aktiviti EKSA di zon tersebut serta lengkap bertarikh).
  - viii Logo EKSA MKM
  - ix Slogan EKSA MKM
  - x Informasi berkaitan EKSA (catatan: untuk tujuan promosi. Informasi yang dipamer melibatkan makluman/gambar bagi aktiviti seperti gotong-royong, anugerah/penghargaan dan slot Buletin EKSA).
- b) Kaedah penyaluran penyampaian adalah secara fizikal dengan menggunakan ruang pejabat (seperti dinding/papan kenyataan) atau secara maya.

# Standard Penyeragaman EKSA MKM

MAKTAB KOPERASI MALAYSIA

- c) Tarikh kemaskini Sudut EKSA dan lengkap ditandatangani oleh ketua zon, perlu dipamerkan.

Contoh Sudut EKSA (yang dipamerkan pada dinding/papan kenyataan) adalah seperti berikut:



# Standard Penyeragaman EKSA MKM

MAKTAB KOPERASI MALAYSIA

## 2.0 Ruang Tempat Kerja / Pejabat

### a) Peralatan Pejabat

- i. Alat tulis disusun dengan kemas dan selamat di atas meja/tray dalam laci.
- ii. Peralatan pejabat sentiasa berkeadaan baik, bersih dan sentiasa boleh digunakan dengan selamat.
- iii. Semua barang yang disimpan dalam ruang tertentu/laci bertanda atau berlabel.
- iv. Tatacara penggunaan peralatan dipamerkan dengan jelas dan mudah difahami.
- v. Arahan/Notis bagi memastikan peralatan disusun kemas dan dipamerkan di tempat bersesuaian.

### b) Susun Atur Peralatan Pejabat

- i. Semua perabot dan peralatan pejabat tersusun kemas, berkeadaan baik serta tidak mengancam keselamatan dan kesihatan pekerja.
- ii. Kreativiti menyusun perabot dan peralatan adalah digalakkan supaya dapat mewujudkan suasana yang lebih selesa, ceria dan berimej korporat.
- iii. Teknik susunan peralatan boleh memendekkan masa memproses sesuatu kerja.

# Standard Penyeragaman EKSA MKM

MAKTAB KOPERASI MALAYSIA

## c) Hiasan Dalaman

- i. Hiasan yang bersesuaian dengan imej jabatan, mudah, jimat untuk diselenggarakan serta kedudukannya tidak mengancam keselamatan dan kesihatan pekerja
- ii. Maklumat korporat boleh dipamerkan pada tempat bersesuaian tetapi tidak keterlaluan dari segi kuantiti dan sentiasa dikemaskini (contoh: Carta Organisasi, Piagam Pelanggan, Dasar Kualiti dan sebagainya).
- iii. Dinding yang kotor akibat kesan tampalan dibersihkan sebaiknya.
- iv. Penggunaan hiasan pokok bunga plastik dan pokok bunga hidup tidak digalakkan. Jika digunakan, penyelenggaraan diperlukan bagi mengelak habuk terperangkap dan kerosakan pada karpet serta kuantiti hiasan yang digunakan tidak keterlaluan.
- v. Hiasan seperti lanskap berkonsepkan *water features* dan akuarium dalam ruang pejabat tidak digalakkan. Jika masih digunakan, penyelenggaraan diperlukan bagi memastikan ia berfungsi.
- vi. Pastikan semua hiasan yang dibuat tidak berdebu, tidak kotor dan sentiasa berada dalam keadaan baik supaya tidak mencacatkan pemandangan.
- vii. Susunan hiasan sentiasa kemas, tersusun, menyenangkan pergerakan, dan tidak mengancam keselamatan pekerja.

# Standard Penyeragaman EKSA MKM

MAKTAB KOPERASI MALAYSIA

## d) Tanda Arah/Petunjuk/Peringatan

- i. Tanda peringatan yang sesuai diletakkan pada peralatan yang berisiko seperti AWAS pada plug yang terdedah dan **SILA PADAM LAMPU SELEPAS DIGUNAKAN** pada plug lampu yang berkenaan.
- ii. Tanda nama pegawai perlu seragam dan diletakkan pada setiap *partition* dan bilik pegawai.
- iii. Tanda arah, petunjuk dan peringatan perlu diletakkan di tempat yang strategik serta mudah dilihat oleh orang ramai.

## e) Ruang Kerja Terperingkat

- i. Ruang kerja terperingkat ini merangkumi Bilik Server dan Kawasan Kerja Larangan.
- ii. Kawasan bilik ini perlu sentiasa kemas, tersusun, bersih, tidak berdebu dan selesa.
- iii. Sistem pengurusan ruang kerja terperingkat perlu diamalkan dengan memenuhi ciri-ciri keselamatan pengguna (tatacara yang ditetapkan dalam peraturan keselamatan).
- iv. Pegawai yang bertanggungjawab (PIC) perlu dilantik bagi menguruskan kebersihan bilik. Nama pegawai dan nombor untuk dihubungi hendaklah dipamerkan pada pintu masuk bilik berkenaan.

# Standard Penyeragaman EKSA MKM

MAKTAB KOPERASI MALAYSIA

## f) Ruang Kaunter

- i. Persekutuan kaunter sentiasa dilap supaya tidak berdebu, bersih dan disusun supaya kelihatan kemas.
- ii. Kaunter utama mempunyai sistem maklumbalas pelanggan, direktori pelanggan, borang/brosur berkaitan dan bahan bacaan untuk pelanggan.
- iii. Tanda arah, petunjuk dan peringatan perlu diletakkan di tempat yang strategik serta mudah dilihat oleh orang ramai.
- iv. Peralatan pejabat dan kemudahan yang disediakan perlu sentiasa berkeadaan baik dan boleh digunakan dengan selamat.
- v. Maklumat korporat boleh dipamerkan tetapi tidak keterlaluan dari segi kuantiti dan sentiasa dikemaskini (contoh: carta organisasi, piagam pelanggan, pemberitahuan atau arahan yang perlu disampaikan kepada pelanggan).
- vi. Sekiranya perkhidmatan kaunter melibatkan borang-borang yang berkaitan, ianya perlulah disusun dengan teratur dan dilabelkan.
- vii. Sofa atau kerusi perlu disediakan di ruang menunggu untuk pelanggan.
- viii. Perkhidmatan yang diberi memperkenan konsep mesra pelanggan.

# Standard Penyeragaman EKSA MKM

MAKTAB KOPERASI MALAYSIA

## g) Lantai

- i. Pastikan tong sampah disediakan, lantai selamat dan tidak licin, tiada kekotoran atau sampah-sarap serta tidak berlubang/pecah atau rosak.
- ii. Program pemantauan bagi memastikan jadual pembersihan dipatuhi.
- iii. Inisiatif/tindakan proaktif pombaikan sekiranya berlaku kerosakan direncanakan dengan segera, jika ada.

## h) Dinding/*Partition* Pegawai/Bilik Pegawai

- i. Dinding bersih dari kekotoran dan dalam keadaan baik.
- ii. Hiasan yang disediakan adalah bersesuaian dan mempamerkan imej korporat.
- iii. Tanda nama dan jawatan perlu dipamerkan di ruang tempat kerja masing-masing termasuk bilik pegawai.
- iv. Segala dokumen yang dipamerkan hendaklah tersusun kemas dan teratur.
- v. Satu sudut mini di *partition* atau bilik pegawai dibenarkan untuk hiasan peribadi.
- vi. Ruangan pantri di *partition* atau bilik pegawai tidak dibenarkan.
- vii. Status pergerakan pegawai (sekiranya perlu) dipamerkan di hadapan di *partition* atau bilik pegawai.
- viii. Senarai aset alih kerajaan (Kew-PA 7) dipaparkan di *partition* atau bilik pegawai.

# Standard Penyeragaman EKSA MKM

MAKTAB KOPERASI MALAYSIA

## i) Siling

- i. Siling berada dalam keadaan yang bersih dan baik.
- ii. Label dan penunjuk arah yang bersesuaian disediakan.
- iii. Sekiranya berlaku kerosakan, inisiatif/tindakan proaktif untuk pembaikan segera perlu diambil.

## j) Lampu dan soket

- i. Pelan lampu/suis dipamerkan dengan jelas dan mudah difahami.
- ii. Semua lampu perlu bersih, berfungsi dengan baik.
- iii. Semua soket elektrik perlu berfungsi dengan baik.
- iv. Sekiranya berlaku kerosakan, inisiatif/tindakan proaktif untuk pembaikan segera perlu diambil.

## k) Meja

- i. Di bahagian atas meja
  - Satu (1) *tray* surat (jika ada) dan dilabelkan.
  - Satu (1) sudut mini dengan 5 barang peribadi dibenarkan untuk tapak hiasan (*optional*).
  - Telefon dan buku direktori (*optional*).
  - Fail-fail aktif/diari/*organizer* dan peralatan hendaklah disusun dengan kemas dan teratur pada setiap masa.
  - *Rubber stamp* yang aktif dilabelkan dan disenaraikan (tidak termasuk *self-ink rubber stamp*).

# Standard Penyeragaman EKSA MKM

MAKTAB KOPERASI MALAYSIA

- ii. Di bahagian bawah/tepi meja
  - Sediakan tempat khas yang bertanda bagi bakul sampah.
  - Wayar/kabel (untuk ICT dan elektrik) perlu dikemaskan dengan menggunakan bahan-bahan yang sesuai seperti *black tape/cable casing*.
  - Kotak kitar semula boleh diwujudkan dan digunakan secara gunasama.

## I) Laci (Meja/Almari)

- i. Susunan laci meja adalah seragam dan dilabelkan dengan kemas.
- ii. Sekiranya pegawai dibekalkan dengan meja jenis **3 laci**, penggunaan ruang laci boleh seperti berikut:
  - Laci paling atas dilabelkan **ALAT TULIS** dan dikhaskan penggunaannya kepada alat-alat tulis dan disusun kemas mengikut kreativiti pegawai.
  - Laci tengah dilabelkan **DOKUMEN** dan diguna bagi menempatkan dokumen-dokumen rasmi seperti diari, planner dan buku catatan.
  - Laci bawah dilabelkan **PERIBADI** dan diguna bagi menempatkan alatan/barang peribadi seperti beg tangan, dompet, telefon bimbit dan lain-lain.

# Standard Penyeragaman EKSA MKM

MAKTAB KOPERASI MALAYSIA

- iii. Sekiranya pegawai dibekalkan dengan meja jenis **2 laci**, penggunaan ruang laci boleh seperti berikut:
  - Laci paling atas dilabelkan **ALAT TULIS** dan dikhaskan penggunaannya kepada alat-alat tulis dan disusun kemas mengikut kreativiti pegawai.
  - Laci kedua dilabelkan **PERIBADI** dan diguna bagi menempatkan alatan/barang peribadi seperti beg tangan, dompet, telefon bimbit dan lain-lain.
- iv. Perkara di atas tidak diguna pakai untuk keadaan seperti berikut:
  - Bilangan laci meja kurang dari 2 atau lebih dari 3, maka keutamaan penyimpanan ialah kepada peralatan kegunaan harian pejabat seperti alat tulis (dilabel sebagai **ALAT TULIS**), buku catatan dan dokumen rasmi (dilabel sebagai **DOKUMEN**).
- v. Meja gunasama di bilik tertentu seperti bilik pemandu, atas faktor keselamatan dibenarkan untuk menggunakan laci bagi menyimpan barang peribadi dan semua laci yang ada pada meja tersebut perlu dilabelkan sebagai **PERIBADI**.
- vi. Barang-barang peribadi seperti beg tangan, payung perlu diletakkan di dalam laci/almari ruangan peribadi atau tempat yang bersesuaian dan disusun kemas.
- vii. Pegawai hendaklah patuh kepada laci yang telah dilabel iaitu barang yang berkaitan dengan urusan rasmi dan barang peribadi tidak boleh bercampur.
- viii. Almari pegawai mestilah dipastikan sentiasa berada di dalam keadaan kemas, tersusun dan bersih.

# Standard Penyeragaman EKSA MKM

MAKTAB KOPERASI MALAYSIA

## m) Kerusi

- i. Kerusi tetamu dan kerusi kerja hendaklah tersusun rapi ketika tidak digunakan.
- ii. Kot/selendang boleh disangkut dengan kemas di belakang kerusi (jika almari tidak disediakan).
- iii. Pastikan kerusi berada pada tahap selamat untuk diduduk, tidak bergoyang, selesa dan bersih.

## n) Peti Sejuk

- i. Peti sejuk adalah berfungsi, bersih dan berada di dalam keadaan yang baik.
- ii. Bagi peti sejuk domestik di pantri, item-item yang disimpan berada dalam keadaan bersih, disusun kemas dan tidak bercampur aduk.

## o) Komputer dan Pencetak

- i. Komputer serta peralatan IT yang berkaitan hendaklah sentiasa tidak berhabuk dan sedia untuk diguna.
- ii. Komputer disusun mengikut kesesuaian pegawai dan mematuhi ciri-ciri keselamatan contohnya skrin monitor tidak dapat dilihat secara terus atau membelaangkan pintu masuk.
- iii. Pastikan komputer ditutup sebelum pulang (*shut down*).
- iv. *Printer* dan *scanner* haruslah tidak berhabuk dan boleh digunakan.

# Standard Penyeragaman EKSA MKM

MAKTAB KOPERASI MALAYSIA

## p) Pelabelan dan Lot Parkir

- i. Setiap peralatan yang gunasama dan mudah alih sahaja disediakan lot parkir yang bersesuaian (tidak perlu menggunakan *tape* untuk tujuan penanda parkir peralatan).
- ii. Pelabelan dan lot alatan haruslah seragam mengikut kesesuaian zon.

## 3.0 Ruang Umum

Ruang umum juga perlu diberi tumpuan dari aspek penjagaan kerana ruang ini sentiasa digunakan oleh semua kakitangan termasuk pelanggan MKM. Ruang umum yang dimaksudkan dan perkara yang perlu diberi penekanan adalah seperti berikut:

### a) Bilik Mesyuarat/Bilik Perbincangan

Pastikan Bilik Mesyuarat/Bilik Perbincangan berada dalam keadaan berikut:

- i. Lantai bersih, tidak berdebu dan tiada kekotoran.
- ii. Peralatan/kemudahan dalam keadaan sempurna dan boleh digunakan dengan baik.
- iii. Peralatan/kemudahan sentiasa bersih, tidak berhabuk dan disusun kemas ketika tidak digunakan.
- iv. Peralatan mempunyai sistem inventori dan penyelenggaraan.
- v. Hiasan berbentuk korporat boleh menaikkan suasana bilik dan memerlukan penyelenggaraan secara berkala (contoh: gambar).

# Standard Penyeragaman EKSA MKM

MAKTAB KOPERASI MALAYSIA

- vii. *White board* (papan putih) hendaklah dibersihkan selepas mesyuarat selesai.
- viii. Pastikan pemadam dan marker pen berwarna merah, biru dan hitam diletakkan di tempat yang disediakan.
- ix. Jam dinding perlu diletak di tempat yang sesuai.
- x. Pastikan barang-barang elektronik seperti LCD Projektor, mikrofon dan *power supply* ditutup sebelum meninggalkan bilik mesyuarat
- xi. Hidangan makanan berat (contoh: makanan berkuah) di bilik mesyuarat/bilik bincang sebolehnya, hendaklah dielakkan.
- xii. Pelan lantai dipamerkan dengan jelas.
- xiii. Etika penggunaan bilik mesyuarat perlu disediakan dan diletakkan di lokasi yang bersesuaian.
- xiv. Pegawai bertanggungjawab (PIC) perlulah dilantik bagi menguruskan kebersihan bilik mesyuarat/bilik bincang (nama pegawai dan nombor untuk dihubungi)

## b) Bilik Kuliah

Bilik kuliah yang merangkumi auditorium dan semua bilik perlu berada dalam keadaan berikut:

- i. Lantai bersih, tidak berdebu dan tiada kekotoran.
- ii. Hiasan berbentuk korporat dan ada penyelenggaraan yang berkala
- iii. Peralatan/kemudahan bersih, tidak berhabuk, berada dalam keadaan sempurna dan boleh digunakan dengan baik.
- iv. Peralatan mempunyai sistem inventori dan penyelenggaraan yang baik.

# Standard Penyeragaman EKSA MKM

MAKTAB KOPERASI MALAYSIA

- v. Kemudahan tanda arah/keterangan petunjuk yang disediakan mencukupi, informatif dan efektif.
- vi. Pegawai bertanggungjawab (PIC) perlulah dilantik bagi menguruskan kebersihan bilik latihan (nama pegawai dan nombor untuk dihubungi).

## c) Surau/Bilik Solat

Perkara-perkara berikut perlu dilaksanakan untuk menjadikan surau/bilik solat tempat yang selesa untuk beribadat:

- i. Semua peralatan/kemudahan (contoh: kemudahan tempat berwuduk) perlu berada dalam keadaan sempurna dan boleh digunakan dengan baik.
- ii. Lantai tidak berdebu, tidak basah dan sentiasa bersih untuk keselesaan ramai.
- iii. Telekung, kain pelekat dan sejадah hendaklah disusun, dilipat atau digantung dengan kemas.
- iv. Pintu masuk hendaklah dilabelkan dengan perkataan Surau/Bilik Solat.
- v. Almari/kabinet/rak/penyidai adalah dibenarkan mengikut keperluan.
- vi. Buku-buku bacaan agama hendaklah disusun kemas di dalam almari/kabinet/rak yang disediakan.
- vii. Penanda arah kiblat hendaklah ditandakan di siling surau/bilik solat dengan jelas.
- viii. Selipar/kasut hendaklah tersusun rapi.

# Standard Penyeragaman EKSA MKM

MAKTAB KOPERASI MALAYSIA

- ix. Jadual waktu solat dipamerkan di ruang yang disediakan.
- x. Cermin muka disediakan untuk kemudahan orang ramai.
- xi. Penggunaan pewangi (*air freshener*) digalakkan untuk mendapatkan suasana yang sentiasa segar.
- xii. Jam dinding disediakan untuk panduan.
- xiii. Sekiranya ada kemudahan/peralatan di dalam surau/bilik solat, sistem inventori dan penyelenggaraan perlu dibuat.
- xiv. Pegawai bertanggungjawab (PIC) perlulah dilantik bagi menguruskan kebersihan surau/bilik solat (nama pegawai dan nombor telefon).

## d) Pantri

Kawasan pantri hendaklah berada dalam keadaan berikut:

- i. Lantai sentiasa bersih, kering dan tidak berbau.
- ii. Pantri hendaklah sentiasa bersih, kemas, tersusun dan bebas daripada sebarang serangga, makhluk perosak, kekotoran dan bau yang tidak menyenangkan.
- iii. Penggunaan pewangi udara digalakkan bagi menghindarkan bau yang tidak menyenangkan.
- iv. Tong sampah disediakan dan ditutup supaya tidak berbau.
- v. Semua peralatan/perabot dan perkakas disusun kemas dan teratur setelah digunakan.
- vi. Kabinet/rak dilabelkan dengan nama perkakas di luar pintu dengan seragam (mengikut kesesuaian).

# Standard Penyeragaman EKSA MKM

MAKTAB KOPERASI MALAYSIA

- vii. Pinggan mangkuk/cawan/gelas tidak diletakkan di atas meja dan sinki selepas digunakan.
- viii. Pinggan/mangkuk yang masih basah hendaklah dilap dan disusun dengan teratur di dalam kabinet/rak.
- ix. Kain lap yang kotor dicuci dan disangkut kemas.
- x. Sinki mesti dalam keadaan bersih, tidak tersumbat dan tiada sisa makanan.
- xi. Bahan makanan seperti milo, nescafe, gula, susu, teh dan sebagainya hendaklah diletakkan dalam bekas bertutup (contoh: dimasukkan dalam bekas makanan) dan dilabelkan (mengikut kesesuaian)
- xii. Pastikan lampu dan pintu ditutup setelah digunakan.
- xiii. Satu sudut informasi disediakan untuk mempamerkan jadual tugasan, peraturan, pemakluman ataupun apa-apa arahan yang berkaitan.
- xiv. Pegawai bertanggungjawab (PIC) perlulah dilantik bagi menguruskan kebersihan pantri (nama pegawai dan nombor untuk di hubungi).

# Standard Penyeragaman EKSA MKM

MAKTAB KOPERASI MALAYSIA

## e) Dewan Makan

Kawasan dewan makan hendaklah sentiasa berada dalam keadaan yang berikut :

- i. Peralatan dewan makan yang disediakan kepada pelanggan haruslah sentiasa bersih, mencukupi dan boleh digunakan
- ii. Meja hidangan makanan sentiasa bersih dan kemas.
- iii. Singki basuh tangan sentiasa bersih, tidak tersumbat, dan bebas dari sisa makanan.
- iv. Lantai dewan makan perlu sentiasa bersih.
- v. Kerusi sentiasa tersusun selepas digunakan.

## f) Tandas

Kawasan tandas hendaklah sentiasa berada dalam keadaan yang berikut:

- i. Permukaan lantai sentiasa bersih dan kering.
- ii. Senarai peralatan/kelengkapan yang perlu ada secukupnya dalam tandas:
  - Bekas sampah
  - *Sanitary bin* (untuk bilik air wanita)
  - Pewangi
  - Cecair pencuci
  - Kertas tisu
- iii. Permukaan dinding keseluruhannya bersih termasuk dinding *tiles* dan pintu utama.
- iv. Siling di dalam keadaan yang sempurna, tiada kebocoran dan tidak bersawang.

# Standard Penyeragaman EKSA MKM

MAKTAB KOPERASI MALAYSIA

- v. Semua lampu berfungsi dengan baik.
- vi. Pintu-pintu tandas berfungsi dengan sempurna, bersih, lengkap dengan penyangkut pakaian.
- vii. Mangkuk tandas berkeadaan sempurna dan boleh digunakan dengan selamat.
- viii. Mangkuk tandas bersih dan lengkap dengan pelapik serta *flushing system* berfungsi dengan sempurna.
- ix. *Urinal bowl* berkeadaan bersih dan *flushing system* berfungsi dengan sempurna.
- x. Sinki berkeadaan bersih, tidak tersumbat dan paip air berfungsi dengan sempurna.
- xi. Meja sinki dan cermin muka berkeadaan bersih dan kering.
- xii. Bekas sabun (*soap dispenser*) berfungsi dengan sempurna dan sentiasa ada sabun
- xiii. Kreativiti untuk menceriakan tandas adalah digalakkan.
- xiv. Persekutaran tandas tidak mengeluarkan bau yang kurang menyenangkan.
- xv. Sistem pengudaraan dalam tandas berada dalam keadaan yang baik.
- xvi. Jika tempat mengambil wuduk turut disediakan, pastikan ianya sentiasa bersih dan semua paip air berfungsi dengan baik.
- xvii. Tandas Orang Kurang Upaya (OKU) berada dalam keadaan yang bersih, baik dan berfungsi sepenuhnya.
- xviii. Senarai semak kerja-kerja penyelenggaraan pembersihan dipaparkan pada pintu bilik air.

# Standard Penyeragaman EKSA MKM

MAKTAB KOPERASI MALAYSIA

- xix. Tandatangan pegawai bertanggungjawab (PIC) bagi pengesahan kerja pembersihan yang telah dilaksanakan, perlu dibuat setiap hari.
- xx. Pegawai bertanggungjawab (PIC) perlulah dilantik bagi menguruskan kebersihan tandas (nama pegawai dan nombor untuk dihubungi).

## g) Kaunter Khidmat Pelanggan/Ruang Menunggu

Kawasan kaunter khidmat pelanggan/ruang menunggu perlu sentiasa berada dalam keadaan berikut:

- i. Kaunter khidmat pelanggan sentiasa bersih, kemas dan tersusun.
- ii. Tempat duduk disediakan di ruang menunggu untuk kemudahan pelanggan/tetamu.
- iii. Peralatan/kemudahan/perabot di ruang menunggu disusun dengan teratur dan berada dalam keadaan baik.
- iv. Ruang menunggu tetamu perlu sentiasa bersih, kemas dan ceria.
- v. Kemudahan tanda arah/petunjuk dipamerkan dengan jelas di kawasan yang mudah dilihat.
- vi. Tong sampah yang bersesuaian dan mencukupi disediakan.
- vii. Kaunter utama perlu menyediakan perkara berikut:  
Sistem/borang maklumbalas pelanggan
  - Direktori Pegawai
  - Borang-borang/brosur berkaitan
  - Bahan bacaan untuk pelanggan
- viii. Usaha-usaha *delighting the customer* seperti mewujudkan persekitaran yang kondusif dan kemudahan sokongan ada dilaksanakan.
- ix. Perkhidmatan yang diberi mempamerkan suasana mesra pelanggan.

# Standard Penyeragaman EKSA MKM

MAKTAB KOPERASI MALAYSIA

## h) Lobi Utama/Ruang hadapan

Kawasan lobi utama/ruang hadapan hendaklah sentiasa berada dalam keadaan berikut:

- i. Persekutaran lobi utama/ruang hadapan sentiasa bersih, kemas dan ceria.
- ii. Semua peralatan di lobi utama sentiasa disusun kemas dan berkeadaan baik.
- iii. Laluan umum bersih dan tidak dihalang dengan sebarang halangan seperti barang/peralatan yang boleh mengganggu ruang laluan.
- iv. Maklumat seperti pelan strategik/visi/misi/piagam pelanggan dan maklumat korporat lain sentiasa perlu dikemaskini dan dipaparkan di tempat yang mudah dilihat.
- v. Beberapa perkara berikut disediakan di lobi utama:
  - Direktori pegawai
  - Sudut Informasi untuk pelanggan
  - Perhiasan yang bersesuaian dengan imej korporat
- vi. Laluan umum bersih dan tidak dihalang dengan sebarang halangan seperti barang/peralatan yang boleh mengganggu ruang laluan.
- vii. Maklumat seperti pelan strategik/visi/misi/piagam pelanggan dan maklumat korporat lain sentiasa perlu dikemaskini dan dipaparkan di tempat yang mudah dilihat.
- viii. Beberapa perkara berikut disediakan di lobi utama:
  - Direktori pegawai
  - Sudut Informasi untuk pelanggan
  - Perhiasan yang bersesuaian dengan imej korporat

# Standard Penyeragaman EKSA MKM

MAKTAB KOPERASI MALAYSIA

## i) Laluan Utama/Laluan Awam

Kawasan laluan utama/laluan awam hendaklah sentiasa berada dalam keadaan berikut:

- i. Lantai sentiasa berkeadaan baik, bersih dan tiada sisa buangan yang diletak di sepanjang laluan.
- ii. Hiasan seperti pokok bunga yang berada di sepanjang laluan (jika ada) disusun dengan kemas, bersih dan teratur supaya tidak menghalang laluan.
- iii. Peralatan yang diletak di laluan utama/umum hendaklah disusun dengan baik supaya tidak mengganggu laluan perjalanan.
- iv. Papan notis yang diletakkan di sepanjang laluan hendaklah sentiasa diselenggara dan dikemaskini maklumatnya.
- v. Pintu kecemasan tidak dihalang dan sentiasa ditutup.

## 4.0 Keselamatan Persekutaran

Langkah-langkah keselamatan berikut perlu diambil bagi menjamin suasana kerja yang selamat:

- a) Laluan utama tidak dihalang dengan barang-barang atau peralatan yang tidak diperlukan (contoh: pasu bunga, *fire extinguisher*, kotak-kotak dan sebagainya).
- b) Pintu rintangan api dan pintu kecemasan hendaklah sentiasa ditutup dan tidak dihalang.
- c) Pendawaian elektrik/telefon/kabel komputer dalam keadaan kemas, teratur dan tidak berserabut.

# Standard Penyeragaman EKSA MKM

MAKTAB KOPERASI MALAYSIA

- d) Laluan utama tidak dihalang dengan barang-barang atau peralatan yang tidak diperlukan (contoh: pasu bunga, *fire extinguisher*, kotak-kotak dan sebagainya).
- e) Pintu rintangan api dan pintu kecemasan hendaklah sentiasa ditutup dan tidak dihalang.
- f) Pendawaian elektrik/telefon/kabel komputer dalam keadaan kemas, teratur dan tidak berserabut.
- g) Pendawaian tambahan boleh dibuat setelah mendapat kebenaran.
- h) Tiada aktiviti memasak dilakukan di mana-mana ruang.
- i) Tanda-tanda amaran keselamatan yang dipamerkan hendaklah jelas (contoh: DILARANG MEROKOK, tanda KELUAR dan AWAS).
- j) Tangga laluan kecemasan tidak dihalang (contoh: barang-barang pra pelupusan).
- k) Aktiviti merokok tidak dibenarkan di persekitaran luaran dan dalaman pejabat (contoh: pantri, kafeteria, stor, bilik fail, bilik air, ruang tangga, ruang awam dan sebagainya).
- l) Alat pemadam api mestilah berfungsi, mempunyai jadual penyelenggaraan, berkeadaan bersih dan diletakkan di tempat yang sesuai dan mudah dicapai.
- m) Alat pemadam api yang memenuhi kriteria berikut:
  - Mempunyai sijil yang masih berkuatkuasa dari pihak Bomba.
  - Prosedur operasi hendaklah diletakkan bersebelahan alat pemadam api.
  - Digantung pada *bracket* yang dipasang di dinding.
- k) Sebarang peralatan yang didapati rosak hendaklah dilapor dan diselenggarakan dengan segera

# Standard Penyeragaman EKSA MKM

MAKTAB KOPERASI MALAYSIA

- I) Pelan Tindakan Kecemasan mengandungi:
  - i. Arahan Keselamatan.
  - ii. Latihan Pengungsian Bangunan (*Fire-drill*).
  - iii. Tanda amaran.
  - iv. Pelan Laluan Kecemasan dan tempat berkumpul.
  - v. Peruntukan Arahan Keselamatan dipatuhi sepenuhnya.

# Standard Penyeragaman EKSA MKM

MAKTAB KOPERASI MALAYSIA

## 5.0 Kawasan Persekutaran

### a) Tempat Meletak Kenderaan

- i. Tempat meletak kenderaan yang sesuai untuk pekerja dan pelawat.
- ii. Tanda/Garisan antara lot-lot dan tunjuk arah laluan pelawat disediakan dengan jelas.
- iii. Kawasan persekitaran dalam keadaan baik dan bersih.
- iv. Kemudahan parkir untuk OKU disediakan.

### b) Kawasan Persekutaran

- i. Lampu jalan berfungsi dan berkeadaan baik.
- ii. Jalan di kawasan persekitaran pejabat berkeadaan baik dan tidak berlubang/rosak.
- iii. Taman permainan dan peralatan di taman permainan dalam keadaan baik dan selamat untuk digunakan.
- iv. Sistem kawalan laluan keluar masuk yang mudah difahami dan dipatuhi, ada disediakan.
- v. Tanaman/pokok dijaga rapi dan tiada pokok rosak/mati di sekitar kawasan.
- vi. Kawasan padang (jika ada) bersih dan rumput tidak dibiarkan panjang.
- vii. Tong/bakul sampah yang disediakan bersesuaian dan mencukupi.
- viii. Kawasan/tong pengumpulan sampah bersih, tidak berbau dan diuruskan dengan baik.

# Standard Penyeragaman EKSA MKM

MAKTAB KOPERASI MALAYSIA

- ix. Cat bangunan berada dalam keadaan baik dan bersih.
- x. Pili bomba tidak dihalang dan dalam keadaan baik.

## c) Sudut / Pondok Pengawal

- i. Tempat pengawal berada dalam keadaan baik dan bersih.
- ii. Perkhidmatan yang diberi mempamerkan suasana mesra pelanggan (sopan, mesra dan sedia membantu).

## d) Papan Tanda Jabatan/Papan Tanda Arah/Petunjuk.

- i. Diletakkan di lokasi penting seperti bilik *admin*, bilik ketua jabatan, tandas, pintu keluar dan bilik mesyuarat.
- ii. Berada dalam keadaan baik, tidak berdebu dan sentiasa bersih.
- iii. Saiz yang sesuai dan senang difahami.
- iv. Mudah dilihat oleh orang ramai dan kedudukannya strategik.
- v. BerkONSEPkan imej korporat Jabatan.

## e) Media/Bahan Pameran

- i. Bahan media atau bahan pameran yang dipamerkan di papan notis atau papan kenyataan di seluruh jabatan/unit perlu berada dalam keadaan baik, tidak berdebu, bersih dan perlu sentiasa dikemaskini mengikut keadaan semasa.
- ii. Penampilan media/bahan pameran yang dipamerkan perlu berkualiti, berimej korporat, kemas dan teratur.
- iii. Penghasilan bahan pameran yang kreatif adalah digalakkan supaya dapat menarik perhatian pelanggan.

## f) Stor/Tempat Penyimpanan

Merujuk kepada Pekeliling Perkhidmatan Bil.5 Tahun 2009:

- i. Pintu stor hendaklah mempunyai perkara-perkara seperti berikut :

# Standard Penyeragaman EKSA MKM

MAKTAB KOPERASI MALAYSIA

- Pelan lantai stor yang mudah dilihat dengan jelas dan difahami
- Borang permohonan stok
- Tanda amaran DILARANG MASUK dipamerkan dengan jelas • Jadual waktu pengeluaran - dipamerkan di luar stor
- ii. Stor sentiasa dalam keadaan bersih, tidak berdebu dan tersusun kemas.
- iii. Terdapat tanda/label/abjad bersesuaian bagi tiap-tiap bahan/komponen barang (mengikut Tatacara Pengurusan Stor).
- iv. Sistem rekod inventori disediakan adalah jelas dan teratur untuk memudahkan barang tersebut diambil/dicapai/dicari.
- v. Tidak terdapat sampah/sisa/bahan yang tidak diperlukan, berada di dalam stor.
- vi. Peralatan sokongan pengurusan stor dalam keadaan baik dan berfungsi (contoh: tangga dan troli).
- vii. Daya kreativiti boleh digunakan (tertakluk kepada peraturan dan garis panduan) dalam pengurusan, penjagaan dan penyelenggaraan stor tetapi mengekalkan unsur korporat.
- viii. Tanda arah, petunjuk dan peringatan perlu diletakkan di tempat yang strategik serta mudah dilihat oleh orang ramai.
- ix. Semua barang/bahan dilabelkan dengan jelas dan kemas.
- x. Etika penggunaan dan peraturan pengambilan barang dari stor perlu ada, dipatuhi dan dipaparkan kepada warga kerja.
- xi. Barang-barang disusun dengan teratur supaya tidak menghalang kerja-kerja pemunggahan dan laluan kakitangan stor.
- xii. Barang-barang disusun mengikut pengeluaran secara Luput Dulu Keluar Dulu/**First Expiry First Out (LDKD/FIFO)** bagi barang yang mempunyai

# Standard Penyeragaman EKSA MKM

MAKTAB KOPERASI MALAYSIA

- xiii. tarikh luput. Manakala bagi barang yang tiada tarikh luput atau barang-barang dengan tarikh luput yang sama aturan Masuk Dulu Keluar Dulu/*First In First Out* (MDKD/FIFO) digunakan.  
Penggunaan ruang stor hendaklah mengikut jenis dan ruang yang ada.
- xiii. Setiap kumpulan barang ditanda menggunakan abjad-abjad atau nombor atau kedua-duanya sekali.
- xiv. Setiap para melintang diberikan satu huruf dan setiap jalur kotak diberikan satu nombor (contoh: botol *liquid paper* terletak di Seksyen B, rak Nombor 2, para B dan kotak nombor 2. Oleh itu, lokasi botol *liquid paper* ialah di B-2 B2).
- xv. Stok yang asalnya berada di dalam bekas, kotak, tin, peti dan sebagainya hendaklah kekal penyimpanannya dan hendaklah dilabel untuk mudah dilihat.
- xvi. Setiap bekas hendaklah mengandungi satu jenis stok barang yang sama.
- xvii. Bagi barang-barang yang tercerai hendaklah diletakkan di dalam bekas yang berukuran bersesuaian dan tidak boleh dibungkus tetapi hendaklah disusun dengan kemas.
- xviii. Pastikan bahan-bahan yang rosak tidak bercampur dengan bahan yang masih boleh digunakan..
- xix. Barang-barang berharga dan menarik hendaklah disimpan di tempat yang selamat dan dikawal oleh pegawai yang bertanggungjawab.
- xx. Pengeluaran barang dibuat sendiri oleh pegawai-pegawai yang diberi kuasa (pemesan/pegawai stor) dengan menggunakan borang Kew.PS-10 (stor utama) atau Kew.PS-11 (stor unit/bahagian).

# Standard Penyeragaman EKSA MKM

MAKTAB KOPERASI MALAYSIA

- xxi. Kad petak (*bin card*) mestilah berada bersama-sama dengan barang.
- xxii. Penanda aras minima disediakan bagi semua barang di dalam stor.
- xxiii. Sistem pencegahan kebakaran disediakan (contoh: *System Water Sprinkler dan Hose Reel*).
- xxiv. Pencahayaan yang mencukupi.
- xxv. Tanda amaran seperti DILARANG MEROKOK dan MUDAH TERBAKAR dipamerkan dengan jelas.
- xxvi. Tangga dan troli hendaklah diletakkan di tempat mudah dicapai dan berparkir.

# Contoh Amalan EKSA

MAKTAB KOPERASI MALAYSIA

## 6.0 Contoh Amalan Terbaik EKSA



# Contoh Amalan EKSA

MAKTAB KOPERASI MALAYSIA



PEMBUDAYAAN KREATIVITI  
DAN INOVASI



TANDA ARAS BORANG

- Mencukupi
- Buat pesanan
- Perlu Tambah



SISTEM PERGERAKAN  
PEGAWAI YANG SISTEMATIK  
DAN KREATIF

# Contoh Amalan EKSA

MAKTAB KOPERASI MALAYSIA



TINDAKAN  
PENJIMATAN/  
GO GREEN

# Contoh Amalan EKSA

MAKTAB KOPERASI MALAYSIA

## TEMPAT KERJA

- Set Komputer – kabel diikat
- Tray surat berlabel (sekiranya ada)
- Telefon
- Bekas alat tulis / cop
- Perhiasan individu atas meja (maksimum -5 item)
- Dibenarkan satu sudut untuk koleksi peribadi
- Dibenarkan cermin di atas meja dan dokumen kerja di bawah cermin
- Dibenarkan kotak untuk menyimpan bahan rasmi
- Kasut/selipar maksimum 3 pasang dan berparkir



## KABINET

- Label bilangan kabinet
- Dokumen kerap digunakan di tingkat 1 dari atas
- Sediakan indeks kandungan dokumen & tampil di depan laci
- Sediakan bilangan nombor/nama di paket fail mengikut indeks luar
- Kemaskini kandungan fail dari semasa ke semasa



# Contoh Amalan EKSA

MAKTAB KOPERASI MALAYSIA

## STANDARD KAWALAN FAIL

FAIL PUTIH, FAIL KERAS DAN FAIL DALAM KEADAAN BARING

### FAIL PUTIH

- Label dan bernombor di sisi fail
- Indeks fail diwujudkan
- Susunan mengikut nombor indeks
- Setiap *magazine box* diletakkan indeks

### FAIL KERAS (FOLDER)

- Label dan bernombor di sisi fail
- Indeks diwujudkan
- Susunan mengikut nombor indeks

### FAIL DALAM KEADAAN BARING

- Label di bawah fail



# Contoh Amalan EKSA

MAKTAB KOPERASI MALAYSIA

## STANDARD KAWALAN STOR

### STOR

- Nombor, label rak dan aras
- Tentukan item – kerap guna di aras yang mudah diambil
- Kad stok mengikut aras dan rak
- Sediakan senarai indeks induk di tepi rak



### PIGEON HOLE


- Sediakan bilangan / nama pada ruang (hole)
- Borang kerap guna – ruang atas (jika ada)
- Borang jarang guna – ruang bawah (jika ada)
- Tanda maksimum / minimum



## STANDARD POINT DAN RUBBER STAMP

### POINT /SUIS

- Label pada plug
- Kabel diikat dengan kemas
- Plug guna sama – pamerkan arahan



### RUBBER STAMP

- Pasang bilangan pada cop
- Senarai indeks bagi semua cop
- Bilangan pada hanger cop jika lebih daripada satu



# Penutup

## **PENUTUP**

Warga MKM haruslah menjadikan EKSA sebagai usaha untuk mewujudkan persekitaran tempat kerja yang bersih, kemas dan selamat yang dapat meningkatkan produktiviti kerja. EKSA hendaklah diterapkan agar menjadi sebahagian daripada budaya kerja cemerlang dan terus menyumbang kepada peningkatan kualiti penyampaian perkhidmatan dan peningkatan imej MKM.

# Lampiran EKSA

MAKTAB KOPERASI MALAYSIA

## **LAMPIRAN A**

### **Peranan dan Tanggungjawab Jawatankuasa EKSA Maktab Koperasi Malaysia**

#### **JAWATANKUASA INDUK EKSA**

- Menentukan hala tuju perlaksanaan EKSA.
- Meluluskan pelan perlaksanaan dan belanjawan.
- Meluluskan panduan perlaksanaan EKSA.
- Mengenalpasti ahli jawatankuasa Fasilitator EKSA.
- Menetapkan sistem pengiktirafan.
- Memantau dan menilai kemajuan perlaksanaan.
- Memastikan audit dilaksanakan secara berkala.
- Memantau kemajuan perlaksanaan dengan menggubal standard yang sesuai dengan matlamat EKSA.
- Memastikan pencapaian objektif EKSA.

#### **JAWATANKUASA PELAKSANA EKSA**

- Menyelaras perlaksanaan EKSA.
- Menyedia dan mengedar minit kepada semua.
- Menyediakan pelan perlaksanaan.
- Menyediakan belanjawan.
- Membantu fasilitator dalam perlaksanaan EKSA.
- Memastikan perjalanan EKSA seperti yang dirancang.
- Mendapat sokongan dan pengiktirafan daripada pihak atasan.
- Memastikan semua zon mematuhi peraturan dan panduan yang disediakan.
- Membantu membekalkan keperluan perlaksanaan EKSA.
- Menyediakan laporan perlaksanaan EKSA secara berkala.

# Lampiran EKSA

MAKTAB KOPERASI MALAYSIA

## **LAMPIRAN A**

### **Peranan dan Tanggungjawab Jawatankuasa EKSA Maktab Koperasi Malaysia**

#### **JAWATANKUASA PROMOSI EKSA**

- Menyediakan pelan pelaksanaan aktiviti promosi EKSA untuk tempoh 6 - 12 bulan
- Memastikan pelaksanaan pelan promosi kearah membina kesedaran EKSA kepada semua warga
- Menganalisis keberkesanan aktiviti promosi yang telah dilaksanakan
- Merancang dan memperuntukkan bajet bagi memastikan aktiviti promosi dapat dilaksanakan sebagaimana yang dirancang
- Melaporkan status pelaksanaan aktiviti dan tahap kesedaran EKSA dalam kalangan warga kepada Jawatankuasa Induk

#### **JAWATANKUASA LATIHAN EKSA**

- Menyediakan pelan latihan bagi memupuk pemahaman mengenai konsep dan EKSA kepada semua warga
- Mengenalpasti latihan yang diperlukan dari semasa ke semasa bagi mengukuh aktiviti EKSA serta amalan peningkatan kualiti yang lain
- Memastikan setiap warga diberi peluang untuk menghadiri latihan
- Melaporkan status pelaksanaan aktiviti dan tahap kesedaran EKSA dalam kalangan warga kepada Jawatankuasa Induk

#### **JAWATANKUASA AUDIT EKSA**

- Menyediakan kriteria audit yang bersesuaian
- Dapatkan input dan maklumbalas daripada ketua jabatan/ketua unit dan fasilitator
- Dapatkan kelulusan Jawatankuasa Induk EKSA
- Menentukan kekerapan aktiviti audit . pada peringkat awal audit dilaksanakan lebih kerap
- Menyemak kriteria audit dari semasa ke semasa mengikut keperluan
- Melaporkan status pelaksanaan aktiviti kepada Jawatankuasa Induk

# Lampiran EKSA

MAKTAB KOPERASI MALAYSIA

## **LAMPIRAN A**

### **Peranan dan Tanggungjawab Jawatankuasa EKSA Maktab Koperasi Malaysia**

#### **JAWATANKUASA PENYERAGAMAN**

- Mengenal pasti kriteria penyeragaman EKSA
- Menyediakan buku garis panduan EKSA
- Memastikan semua zon mematuhi garis panduan EKSA
- Memberi bantuan / khidmat nasihat kepada zon dalam melaksanakan aktiviti penyeragaman
- Menyemak dan mengemaskini kriteria penyeragaman EKSA dari masa ke semasa (jika perlu)

#### **FASILITATOR EKSA**

- Menyelaras pelaksanaan EKSA
- Menjadi pemudahcara perjalanan program
- Membantu mengurus aktiviti-aktiviti promosi
- Menghebahkan maklumat terkini aktiviti pelaksanaan EKSA
- Memberi latihan kepada ahli dalam zon

#### **KETUA ZON**

- Mengadakan mesyuarat secara berkala dengan ahli-ahli kumpulan.
- Menggalakkan penglibatan semua ahli dalam perlaksanaan EKSA.
- Merancang aktiviti kumpulan.
- Memberikan maklum balas mengenai status perlaksanaan EKSA kepada Fasilitator dan.
- Membantu memberikan panduan dan tunjuk ajar kepada ahli-ahli kumpulan.

# Lampiran EKSA

MAKTAB KOPERASI MALAYSIA

## **WARGA MAKTAB KOPERASI MALAYSIA (MKM)**

- Bekerjasama dalam kumpulan
- Melaksanakan tugas yang diagihkan secara aktif
- Bertanggungjawab untuk mengemas tempat kerja sepanjang masa
- Mempunyai kesedaran mengenai persekitaran kerja
- Memberi cadangan penambahbaikan
- Mewujudkan hubungan harmoni dalam kalangan ahli